



NOORSHAM mengajar anaknya menyiram kerbau peliharaannya.

Mandikan kerbau 2 kali sehari

Alor Gajah: Lazimnya kerbau dalam kandangnya di Kampung Rantau Panjang, Masjid Tanah, di sini, berkubang dalam lumpur sehari sekali, tetapi sejak musim kemarau sebulan lalu, dia terpaksa memandikan ternakan itu dua kali sehari.

Jika sebelum ini, Noorsham Mat Jan, 43, hanya perlu melepaskan 40 kerbaunya untuk mencari sendiri tempat berkubang di sekitar kampung itu, kali ini dia sendiri terpaksa 'memandikan' haiwan itu.

Musim panas yang belum menampakkan sebarang tanda akan berakhir menyebabkan Noorsham dan rakan kongsinya, Mohd Sham

Daud, 32, terpaksa memas-tikan kerbau jika tidak di-mandikan sekali pun, harus disiram dua kali sehari.

Kegagalan berbuat demikian menyebabkan 40 kerbau itu mengalami tekanan dan yang paling dibimbangi, haiwan berkenaan akan mengamuk bukan setakat bergaduh sesama sendiri, malah mencederakan mereka atau pekerja lain di ladang pen-ternakan itu.

Ketika ditemui di kandang itu semalam, Noorsham yang turut memelihara kira-kira 200 lembu dan kambing ber-kata, dia tiada pilihan selain berbuat demikian bagi me-ngelakkan kerbau mengala-mi tekanan.

"Kerbau macam manusia juga, ada ketikanya ia me-ngalami tekanan. Kalau ti-dak dapat berkubang, sudah tentulah badannya menjadi panas.

"Tidak ada cara lain ke-cuali saya terpaksa meman-dikannya atau menembak air paip ke badan kerbau un-tuk menyejukkannya. Sedi-kit sebanyak ia boleh mem-bantu menenangkan kerbau," katanya.

Sementara itu, Mohd Sham berkata, ada pelbagai tempat berkubang di sekitar kampung itu terutama ka-wasan bekas tanah sawah terbiar, tetapi kebanyakannya sudah kering akibat ke-marau.